

SINONIM

1. Pilih **SINONIM (KATA SEERTI)** bagi perkataan yang bergaris dalam ayat-ayat di bawah.

menyuruh	ditempatkan	buku latihan	amanah	berjumpa	menyatakan
kenal	semasa	cekal	ikut	sebentar	nampak

- a. Sebelum melintas jalan, lihat dahulu kiri dan kanan. Pastikan keadaan selamat barulah melintas. (_____)
- b. Sudah sekian lama dia mencari ibu kandungnya, namun belum bertemu lagi. (_____)
- c. Kakak saya telah dimasukkan di wad kecemasan kerana menghidap penyakit Lelah dan sukar untuk bernafas. (_____)
- d. Kita hendaklah tabah menghadapi setiap ujian daripada Allah. (_____)
- e. Orang yang jujur dan ikhlas akan murah rezeki. (_____)
- f. Cikgu Hassan telah mengarahkan semua murid Tahun 6 hadir ke sekolah pada hari Ahad untuk latihan sukan. (_____)
- g. Saya memang cam dia, hanya dia yang ragu-ragu apabila saya beritahu bahawa kami pernah bertemu di pesta buku tahun lalu. (_____)
- h. Sekiranya kamu turuti nasihat ibu dulu, pasti kamu tidak akan kecewa. (_____)

- i. Dia **memberitahu** setiap kawan di kelasnya bahawa dia akan berpindah ke sekolah lain. (_____)
- j. Tunggu **sekejap** lagi tentu dia akan datang. (_____)
- k. Dia datang ke rumahku **ketika** kami sekeluarga sedang makan malam.
- l. Cikgu menyuruh kami menyalin latihan tatabahasa itu dalam **buku rampaian**.
(_____)
2. Pilih **SINONIM (KATA SEERTI)** bagi perkataan yang bergaris dalam ayat-ayat di bawah.

dihalang	pantas	leka	mengapikan	aktif
simbol	akibat	risiko	kemudahan	peringkat

- a. Orang yang bersikap **cuai** akan kerugian. (_____)
- b. Maklumat dapat disampaikan dengan lebih **cepat** dan tepat melalui internet.
(_____)
- c. Dialah yang cuba **menghasut** kami supaya membenci murid lelaki itu.
(_____)
- d. Kemajuan sains mempertingkat **prasarana** di negara kita.
(_____)
- e. Kamu akan berhadapan dengan pelbagai **bahaya** jika menyertai ekspedisi itu.
(_____)

- f. Pemikiran kita akan berada pada **tahap** yang tinggi jika kita rajin membaca.
(_____)
- g. Rekaan sains dan teknologi juga mendatangkan **kesan** yang buruk terhadap manusia. (_____)
- h. Pelbagai penyakit dapat **dicegah** dan diubati melalui ciptaan sains dan teknologi.
(_____)
- i. Beliau bergiat dengan **cergas** dalam bidang keusahawanan.
(_____)
- j. Kemajuan sains dan teknologi bukannya **lambang** kekayaan.
(_____)